

Panduan Ringkas



5 Langkah Mudah Memulakan Perniagaan Internet Anda

oleh:

Ahmad Azwan

www.AhmadAzwan.com

www.PendapatanTambahan.com

Nota, syarat dan penafian

Laporan khas “5 Langkah Mudah Memulakan Perniagaan Internet Anda” ini adalah **PERCUMA** dan anda boleh memberikan kepada rakan-rakan, keluarga, pelawat laman web anda dan sesiapa sahaja tanpa perlu memohon kebenaran dari penulis.

Laporan khas ini hanya berupa maklumat dan panduan tentang perniagaan internet. Segala hasil dan pendapatan yang anda akan perolehi bergantung kepada usaha yang anda lakukan selepas membaca panduan ini.

Penulis tidak bertanggungjawab atas segala kerugian yang ditanggung hasil dari penggunaan maklumat dalam panduan ini. Pertimbangkan dan sesuaikan maklumat yang disampaikan mengikut keadaan dan kebolehan anda.

Sebarang peniruan dan pengubahsuaian kepada panduan ini adalah tidak dibenarkan. Anda hanya boleh mengedarkan panduan ini seperti bentuk asalnya tanpa apa-apa perubahan. Sila hormati hak penulis dan hasil penulisan ini.

Versi terbaru untuk laporan ini akan diumumkan dalam mailing list PendapatanTambahan.com. Langgan sekarang dan jangan lepaskan peluang untuk mendapatkan lebih maklumat dalam versi seterusnya.

Pengenalan

Laporan ringkas ini dibuat untuk kemudahan mereka yang baru ingin menceburkan diri dalam perniagaan di internet. Ia ditulis sesuai dengan keadaan kita di Malaysia.

Harapan saya agar maklumat ini akan menjadi rujukan dan memberi manfaat kepada anda yang membaca.

Ini bukan buku panduan yang mempunyai berpuluh atau beratus mukasurat. Saya cuba untuk meringkas dan memadatkan apa yang ingin saya sampaikan.

Kenapa? Kerana saya juga tak larat nak baca e-book yang berjela-jela dan meleret. Terdapat berpuluh (entah-entah beratus) koleksi e-book yang saya ada dan kebanyakannya belum habis dibaca.

Kenapa perniagaan internet?

Jadi persoalannya, kenapa perniagaan internet?

Internet merupakan medium rangkaian yang semakin banyak digunakan di dunia. Ia mudah, murah dan pantas.

Lihat sahaja bagaimana anda menggunakan e-mail menghantar mesej kepada rakan anda dan diterima dalam masa beberapa saat sahaja!

Anda boleh mengambil kesempatan dengan teknologi dan infrastruktur yang ada untuk memajukan lagi perniagaan anda.

Antara kelebihan perniagaan internet

1. Ia mudah dilaksanakan
2. Modal yang begitu rendah untuk dimulakan
3. Kadar pengendalian yang rendah
4. Jumlah pengguna internet yang semakin ramai sebagai bakal pelanggan
5. Boleh di jalankan secara automatik (ini yang paling saya suka)

Jadi, adakah anda ingin ketinggalan? Rebut peluang yang ada. Belajar dan berusaha secara berterusan untuk berjaya dalam perniagaan internet anda.

Berikut digariskan 5 langkah mudah untuk anda memulakan perniagaan internet.

Langkah 1: Mengenalpasti pasaran

Seperti juga perniagaan di luar sana, pasaran sasaran (target market) adalah penting. Anda perlu menjalankan sedikit kajian untuk menentukan siapa bakal pelanggan anda.

Sama juga di internet. Anda perlu melakukan sedikit kajian untuk mengetahui *supply and demand* untuk perniagaan anda. Siapa pesaing anda dan siapa yang bakal membeli produk yang anda tawarkan.

Kajian pasaran biasanya tertumpu kepada maklumat enjin carian (search engine). Enjin carian adalah alat utama yang digunakan oleh pelayar internet untuk mencari produk atau pun apa-apa sahaja yang mereka mahukan.

Antara yang popular ialah google.com, yahoo.com dan msn.com.

Anda boleh mendapatkan sedikit panduan dengan apa yang dicari oleh pengguna. Alat yang selalu saya gunakan ialah [overture](#).

Masukkan satu kata carian dan anda akan diberi beberapa patah kata yang sering dicari oleh orang di internet. Carian ini adalah anggaran dan tidak termasuk carian yang dibuat di Google dan lain-lain enjin carian.

Contohnya jika anda masukkan kata carian “kereta”. Anda akan mendapat hasil

Get suggestions for: (may take up to 30 seconds)

kereta 

Note: All suggested search terms are subject to our standard editorial review process.

Searches done in June 2006	
Count	Search Term
1646	majalah kereta
1471	kereta
678	kereta api
618	lelong kereta
424	jadwal kereta api
369	kereta terpakai
274	kereta proton malaysia
261	gambar kereta
238	majalah kereta malaysia
231	kereta naza sutera
213	kereta untuk dijual

Lain-lain alat yang boleh digunakan ialah

1. [Nichebot](#)
2. [Good keywords](#) (saya sangat syorkan tool ini)
3. [Word tracker](#) (perlu bayar untuk menggunakan semua ciri-cirinya)

Anda boleh mengenalpasti pesaing anda dengan mencari kata kunci yang anda pilih di enjin carian. Siapakah yang berada teratas di muka surat depan keputusan carian?

Lawat laman web pesaing anda dan kaji kekuatan dan kelemahan yang ada.

Anda mesti lakukan yang lebih baik untuk bersaing!

Langkah 2: Membina laman web perniagaan

Anda telah menjalankan kajian dan anda tahu apa yang dikehendaki oleh pengguna internet iaitu bakal pelanggan anda.

Sekarang ini anda perlu menyediakan satu laman web khas yang akan menerangkan ciri-ciri dan kelebihan produk yang anda ingin pasarkan.

Laman web ini akan bertindak seperti wakil penjual anda. Cuba anda bayangkan, apa yang wakil penjual akan bercerita kepada prospek?

Itulah yang anda perlu tulis di laman web tersebut. Antara tips untuk laman web perniagaan yang baik

1. Menerangkan faedah bukan sekadar ciri-ciri
2. Memberikan bonus kepada pelanggan yang membeli
3. Membuatkan layaran mudah bagi pelanggan
4. Testimoni dari pelanggan sedia ada tentang produk anda
5. Dan banyak lagi.. (lain-lain sumber di bahagian rujukan)

Untuk penerangan dan cara-cara pembinaan laman web perniagaan yang menjual, anda boleh menghadiri satu workshop yang dinamakan "[Workshop membina laman web perniagaan](#)".

Workshop ini akan memberi anda pengalaman praktikal untuk membina laman web khas untuk perniagaan dari awal sehingga pemasaran untuk laman web anda.

"Ingat, laman web perniagaan yang tidak berkesan seolah-olah seperti seorang wakil penjual yang tak pandai bercakap dan tidak dapat menghasilkan jualan!"

Anda juga boleh mendapatkan khidmat *web designer* untuk membuat laman web anda. Anda perlu bersedia membayar RM500 – RM3000 mengikut apa yang anda mahukan dan kadar bayaran yang dikenakan oleh *web designer*.

Langkah 3: Laman web anda di internet

Selepas laman web anda telah disiapkan, kini tiba masanya untuk anda menyediakannya agar dapat dilihat oleh mereka yang melayari internet di seluruh dunia.

Anda perlu mendapatkan khidmat web hosting dan mendaftar domain name anda.

Apa itu domain name? Domain name ialah nama rujukan website anda untuk mereka sampai ke sana. Contohnya PendapatanTambahan.com ialah domain name yang saya gunakan untuk laman web tentang pengurusan wang dan pendapatan tambahan.

Anda boleh memilih domain name yang sesuai dengan perniagaan anda. Antara tips untuk memilih domain name:

1. Ia mudah diingat
2. Memberi klu tentang perniagaan anda (contohnya nazaFashion.com)
3. Tidak mengelirukan

Apa pula web hosting? Web hosting digunakan untuk menyimpan semua fail laman web yang anda telah sediakan dalam langkah yang ke-2. Ini dilakukan supaya semua orang di dunia dapat melihat laman web anda.

Anda boleh mendapatkan hosting dan domain name serendah RM55 setahun di JomHost.Com.

Setelah anda membuat bayaran, domain name dan web hosting anda boleh diakses tidak lebih daripada 2 hari. Biasanya pada hari yang sama anda membuat pendaftaran dan bayaran.

Langkah 4: Menerima bayaran

Baiklah anda telah mempunyai laman web dan anda juga telah memilih domain name yang sesuai untuk laman web anda.

Kini tiba masanya untuk anda menerima bayaran dari pembeli. Jika anda menjual dikedai, ia tidak menjadi masalah kerana pembeli akan membayar dengan tunai.

Di Malaysia, cara bayaran untuk perniagaan internet yang paling popular ialah pindahan wang melalui perbankan internet contohnya seperti maybank2u.com.my, channel-e.com.my, bankislam.biz dan lain-lain.

Apa yang perlu anda lakukan ialah dengan memberi nombor akaun bank anda dan meminta pembeli membayar sebelum atau selepas membuat pesanan secara online.

Pilihan lain untuk membuat bayaran ialah dengan menerima kad kredit. Anda boleh menggunakan [2checkout](#) atau [paypal](#). Itu ialah penyelesaian yang paling mudah dan murah.

Nota: Untuk pengetahuan anda, kita di Malaysia tidak dapat mengeluarkan wang dari Paypal. Untuk penyelesaian anda boleh membaca buku yang diterbitkan oleh Gobala Krishnan, seorang usahawan internet Malaysia dalam bukunya [Chapter-M](#).

Mengikut pengalaman saya, pembayaran yang paling popular ialah melalui Maybank2u. Jadi anda mesti memiliki satu akaun Maybank bagi memudahkan pelanggan anda untuk membayar.

Anda boleh juga pertimbangkan untuk menggunakan e-currency seperti [e-gold](#) tetapi ia tidak meluas digunakan di Malaysia.

Lain-lain bayaran agak jarang sekali digunakan seperti wang pos, money order, bank draft, cek dan tunai. Saya hanya menerima satu cek selama berurusan online!

Langkah 5: Pemasaran produk anda

Semuanya telah tersedia, anda telah dapat membuat jualan produk dan menerima bayaran dari pelanggan anda secara online!

Anda harus ingat, anda baru menyelesaikan hanya 20% sahaja tugas anda. Cabaran terbesar anda ialah untuk memasarkan laman web perniagaan anda.

Antara cara yang terbaik dan berkesan

1. Menaikkan kredibiliti anda sebagai pakar dalam bidang anda. Ini dapat dilakukan dengan penulisan, menghasilkan e-book, laporan khas, menjawab persoalan di forum-forum, membalas komen di blog yang berkaitan.
2. Mempunyai opt-in list anda sendiri. Opt-in list bermaksud mereka yang melawati website anda melanggan dengan mailing list anda untuk mendapatkan maklumat dari anda.

Aplikasi opt-in atau autoresponder yang saya syorkan ialah [Aweber](#) (saya juga menggunakan aplikasi ini). Anda juga boleh mendapatkan aplikasi autoresponder percuma seperti [freeautobot](#) tetapi terdapat beberapa kekurangan.

3. Menawarkan affiliate program sebagai ejen penjual anda di internet. Affiliate bertindak seperti ejen pemasaran anda di internet. Mereka akan diberikan ID dan akan membawa prospek ke laman web anda. Bayaran komisen hanya diberi hanya jika jualan dapat dihasilkan.
4. Teknik SEO (search engine optimization). Ini adalah cara terbaik. Prospek anda akan menjumpai anda apabila beliau mencari sesuatu di enjin carian.

Cara ini agak sukar dan memakan masa tetapi berbaloi dilakukan kerana ia akan menghasilkan pelawat yang berterusan dan percuma ke laman web anda! (Asas SEO akan juga diterangkan dalam [Workshop "Membina laman web perniagaan"](#))

5. Iklan PPC (Pay per click) seperti [Google Adwords](#). Ini cara yang mudah tetapi memerlukan modal untuk anda lakukan. Anda membayar untuk iklan anda diletakkan pada muka surat keputusan carian dan lain-lain laman web.
6. Dan banyak lagi.. (lain-lain sumber di bahagian rujukan)

Kesimpulan

Itulah sedikit panduan ringkas untuk rujukan bagi mereka yang masih baru dalam bidang perniagaan internet.

Diharap ia dapat sedikit sebanyak membantu anda bermula. Anda masih perlu mendapatkan lebih maklumat untuk berjaya dalam perniagaan internet.

Laporan khas ini akan dikemaskini lagi dalam versi baru pada masa depan untuk mengupas lebih banyak maklumat berkaitan perniagaan internet.

Untuk mendapatkan makluman tentang versi baru yang akan dikeluarkan, anda boleh melanggan mailing list percuma di PendapatanTambahan.com. Anda juga akan mendapat siri artikel tentang pengurusan wang dan pendapatan tambahan secara percuma!

Lebih maklumat tentang perniagaan di internet, sila lihat senarai rujukan di bawah.

Rujukan yang disyorkan:

1. [Buku “Rahsia Jutawan-jutawan Internet Terbongkar” oleh Dr. Irfan Khairi](#)
Dr. Irfan Khairi telah menjadi jutawan dengan menjalankan perniagaan di internet. Beliau telah banyak berjasa dalam membuka mata untuk masyarakat Malaysia menceburi bidang perniagaan di internet melalui buku ini yang begitu hangat di pasaran. Harganya Cuma RM39.90 dengan 150 mukasurat padat dengan isi.
2. [Workshop “Membina laman web perniagaan” oleh Ahmad Azwan](#)
Ahmad Azwan mempunyai pengalaman luas di dalam membina laman web dan pengaturcaraan aplikasi web. Ijazah IT dari MMU, Cyberjaya. Mempunyai pengalaman dalam pemasaran dan perniagaan sejak masih belajar. Sekarang menumpukan minat dan perhatian sepenuh masa dalam pemasaran dan perniagaan di Internet.
3. [Seminar “Jutawan Internet” oleh Dr. Irfan Khairi](#)
Seminar ini adalah antara yang terawal di Malaysia. Seminar ini merupakan kesinambungan kepada buku beliau bagi mereka yang serius untuk menjalankan perniagaan di internet.
4. [Seminar “Buat Duit Dengan Internet” oleh Team SaifulSham](#)
Team SaifulSham terdiri dari 2 orang rakan iaitu Sabri dan Syazwan. Mereka mempunyai pengalaman luas dalam bidang perniagaan internet dan banyak membantu orang ramai menerusi penulisan di blog, buku, forum dan juga seminar mereka.

5. [Forum perniagaan internet](#)

Forum ini dimulakan oleh Mohd. Suhaimy, juga seorang usahawan internet popular di Malaysia. Beliau ialah penulis buku "[Maskahwin yang hilang](#)" iaitu sebuah buku tentang pengurusan kewangan.

Banyak lagi sumber rujukan akan ditambah dalam versi akan datang. Anda boleh melanggan untuk mendapatkannya di [PendapatanTambahan.com](#)

Jika anda mempunyai komen, pandangan atau cadangan, anda boleh menghubungi saya di azwan@pendapatantambahan.com atau anda boleh memberi komen di blog.ahmadazwan.com

Salam hormat dan kejayaan dari saya,

Ahmad Azwan

www.AhmadAzwan.com

www.PendapatanTambahan.com